

# Satu jam baca 43 pertuduhan rasuah, tuntutan palsu

**SHAH ALAM** – Seorang pegawai perangkawan di Jabatan Perangkaan Selangor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 43 pertuduhan mendapatkan suapan bagi projek pembekalan kontrak dan meluluskan tuntutan perjalanan palsu dengan nilai keseluruhan RM32,751.20, tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Noor Azlin Jaafar, 37, mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan dalam tempoh hampir sejam di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Ibu tunggal kepada dua anak kembar itu didakwa atas lima pertuduhan mendapatkan suapan bernilai RM18,731.20 bagi lima projek pembekalan kontrak kepada tiga buah syarikat ter-

masuk satu daripadanya milik saudara lelakinya.

Antara projek pembekalan itu ialah perkhidmatan mencetak dan mereka bentuk dokumen survey perdagangan edaran 2019, buku nota bagi kegunaan program dan borang perdagangan.

Pegawai Gred E44 itu juga didakwa atas 38 pertuduhan mendapatkan suapan bagi meluluskan tuntutan palsu perjalanan dalam negeri bernilai RM14,020 untuk lima kakitangannya yang berusia antara 31 hingga 40 tahun.

Kesemua perbuatan itu dilakukan Noor Azlin di tempat kerjanya di Jabatan Perangkaan Selangor bermula Mac hingga Disember 2019.

Sabit kesalahan bagi setiap 43 pertuduhan itu membawa



**NOOR AZLIN (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam.** – MOHD. YUNUS YAKKUB

hukuman penjara sehingga 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau

RM10,000, mengikut mana lebih tinggi berdasarkan Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPM, Fadhl Ab. Wahab, manakala tertuduh diwakili peguam P.G. Cyril.

Cyril memohon jaminan dikurangkan berikutan anak guamnya yang masih bekerja hanya berpendapatan RM6,500 sebulan dan perlu menanggung dua anak kembarnya berusia 10 tahun selepas bercerai dengan suaminya.

Hakim menetapkan jaminan keseluruhan RM50,000 dengan seorang penjamin selain membenarkan syarat tambahan pendakwaan dan menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 19 Januari 2021.